

**KAJIAN PENILAIAN PENTADBIR SEKOLAH TERHADAP ASPEK
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PDP) DAN KOMUNIKASI
GURU BAHRU PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA PERGURUAN
INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA**

Noor Asma Iffah binti Zakaria^{Phd}

Noorazi bin Rani^{Phd}

Munirah binti Hanafi^{Phd}

Joanne Goh Sung Sze

Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Antarabangsa,

Abstrak

Kajian ini merupakan sebahagian daripada keseluruhan maklum balas pentadbir sekolah terhadap guru baharu lepasan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan dalam aspek pengajaran dan pembelajaran dan komunikasi. Seramai 66 guru baharu lulusan PISMP ambilan Jun 2016 lulusan Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Antarabangsa yang berjaya ditempatkan ke sekolah mulai 1 Januari hingga 31 Mei 2020 dan telah dinilai oleh pentadbir sekolah selaku pelanggan IPG. Aspek komunikasi memperoleh peratus tertinggi tahap kepuasan iaitu skor min (M) bersamaan 4.17 dan sisihan piawai (S.P) bersamaan 0.650, Aspek Pengajaran dan pembelajaran ($M=4.15$, $S.P=0.633$). Purata keseluruhan mendapati, respons pentadbir berpuas hati dengan prestasi perkhidmatan Guru Baharu. Oleh itu, dapatan ini memberi ruang kepada pihak-pihak berkaitan untuk memberi penambahbaikan dari aspek kurikulum latihan, kepimpinan dan kemenjadian guru.

Abstract

This study is part of the overall feedback from school administrators on new teachers who graduated from the Bachelor of Teaching Program, focusing on aspects of teaching and learning and communication. A total of 66 new teachers who graduated from the June 2016 intake of the International Language Campus Teacher Education Institute were successfully placed in schools from January 1 to May 31, 2020, and were evaluated by school administrators as clients of the Teacher Education Institute. The communication aspect received the highest percentage of satisfaction, with a mean score (M) of 4.17 and a standard deviation (S.D.) of 0.650. The teaching and learning aspect received a mean score of 4.15 and a standard deviation of 0.633. Overall, the average response indicates that administrators are satisfied with the performance of the new teachers. Therefore, these findings provide an opportunity for relevant parties to make improvements in training curriculum, leadership, and teacher development.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Pentadbir sekolah memainkan peranan yang penting dalam membantu menyokong awal kerjaya guru-guru baharu. Persepsi pentadbir mampu mempengaruhi perkembangan awal kerjaya guru baharu dan integrasi mereka dalam komuniti sekolah. Menyedari kepentingan ini, program perguruan yang efektif seharusnya mengambil inisiatif untuk memastikan maklum balas pentadbir sekolah di ambil kira dalam menambahbaik program dari semasa ke semasa. Dalam konteks ini, pentadbir sekolah merupakan pelanggan di mana maklum balas daripada mereka di ambilkira bagi memastikan relevensi program yang disediakan.

Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Institut Pendidikan Guru (IPG) menyediakan kurikulum yang menepati piawaian yang telah ditetapkan oleh Agensi Kelayakan

Malaysia atau Malaysian Qualifications Agency (MQA) untuk melahirkan Guru Baharu yang berkualiti, terlatih dan kompeten selaras dengan kehendak organisasi dan pelanggan serta dapat memenuhi kepuasan pelanggan.

Sehubungan dengan itu, bagi mengenal pasti kepuasan pelanggan IPG terhadap kualiti Guru Baharu lulusan PISMP IPG, maklum balas yang diberikan oleh pentadbir amat diperlukan. Ia dilaksanakan agar hasil dapatan kajian ini dapat dilaporkan bagi membantu proses penambahbaikan keseluruhan program PISMP IPG seterusnya dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan pendidikan keguruan di IPG selaras dengan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF).

Kajian ini berfokuskan dua aspek utama kemenjadian guru, iaitu pengajaran dan pembelajaran dan komunikasi. Ia merupakan sebahagian daripada kajian utama bagi membantu proses penambahbaikan keseluruhan program PISMP IPG.

Tujuan Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji tahap kepuasan pelanggan dalam kalangan pentadbir sekolah terhadap kualiti Guru Baharu lulusan PISMP IPG dalam aspek pengajaran dan pembelajaran dan komunikasi.

Objektif Kajian

1. Mengenal pasti penilaian pentadbir dari segi kepuasan terhadap kualiti Guru Bahari dari aspek:
 - a. Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) berdasarkan:
 - i. Nilai peratus kepuasan dan tahap kepuasan
 - ii. Kekuatan/kelebihan lain Guru Baharu
 - iii. Kelemahan/kekurangan lain Guru Baharu
 - b. Komunikasi berdasarkan:
 - i. Nilai peratus kepuasan dan tahap kepuasan
 - ii. Kekuatan/kelebihan lain Guru Baharu
 - iii. Kelemahan/kekurangan laun Guru Baharu
2. Mengetahui sejauhmana pentadbir berpuashari atau tidak berpuashati dengan prestasi Guru Baharu setelah satu (1) tahun atau 12 bulan berkhidmat di sekolah.

Kepentingan Kajian

Kajian akan memberikan input berkenaan penilaian pentadbir sekolah terhadap kualiti Guru Baharu. Laporan kajian ini akan memberikan maklumat keberkesanan serta ruang penambahbaikan program pengajaran PISMP dari aspek pengajaran dan pembelajaran, dan komunikasi. Maklumat ini penting kepada pemegang-pemegang taruh dalam sektor pendidikan, termasuklah pembuat polisi, tenaga pengajar IPG serta pentadbir IPG.

Selain itu, umumnya, dapatan kajian ini secara keseluruhan akan digunakan untuk mengenalpasti keberkesanan sistem kualiti Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM). Ia juga dilaporkan atas memenuhi keperluan dan ketetapan MS ISO 9001:2015.

Definisi dan Konteks Kajian

Kajian ini berfokuskan persepsi pentadbir sekolah terhadap kualiti guru baharu PISMP lepasan IPG dalam aspek pengajaran dan pembelajaran dan komunikasi.

Kepuasan pelanggan dalam kajian ini ditakrifkan sebagai nilai peratus kepuasan dan tahap kepuasan pelanggan dalam kalangan pentadbir sekolah terhadap kualiti Guru Baharu lulusan PISMP IPG. Bagi mengukur nilai dan tahap kepuasan pelanggan, instrumen Soal Selidik Kepuasan Pelanggan (SSKP) telah digunakan. Aspek yang dinilai dalam kajian ini ialah

pengajaran dan pembelajaran dan komunikasi. Kedua-dua aspek ini merupakan sebahagian daripada elemen yang terkandung dalam Objektif Pendidikan Program (PEO) bagi PISMP dalam melahirkan graduan IPG yang memiliki pengetahuan dan kemahiran praktikal dalam bidang keguruan selaras dengan kehendak organisasi dan pelanggan iaitu pihak sekolah. Aspek-aspek lain dalam PEO ialah penyelesaian masalah, pengurusan maklumat dan pembelajaran sepanjang hayat.

METODOLOGI

Rekabentuk Kajian

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan reka bentuk tinjauan hirisan rentas (cross sectional). Kajian tinjauan jenis ini dilakukan dengan mengumpul data daripada sampel yang dapat mewakili populasi pada satu-satu masa tertentu (Cresswell, 2012). Data yang dikumpul adalah berbentuk data kuantitatif dan kualitatif dengan menggunakan soal selidik yang diedarkan secara dalam talian. Kajian yang baik biasanya menggabungkan kedua-dua pendekatan kuantitatif dan kualitatif kerana kedua-duanya saling berkait di antara satu sama lain (Cresswell, 2012).

Instumen Kajian

Kajian ini telah menggunakan instrumen Soal Selidik Kepuasan Pelanggan (SSKP). Soal selidik ini mengandungi tiga pendekatan iaitu aneka pilihan, skala Likert lima (5), dan soalan subjektif terbuka. Soal selidik ini telah dibina menggunakan item yang ringkas dan mudah difahami. Format instrument soal selidik untuk kajian ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1

Format Soal Selidik

BAHAGIAN	NO. ITEM	PERKARA	JENIS ITEM	BIL. ITEM
A	A1-A2	Maklumat Guru Baharu	Aneka Pilihan	2
B	B1-B2	Maklumat Pentadbir	Aneka Pilihan	2
C1	C1(a)-C1(n)	Penilaian Pentadbir terhadap Guru Baharu dari Aspek PdP	Skala Likert 5 poin	14
C3	C3(a)-C3(i)	Penilaian pentadbir terhadap Guru Baharu dari aspek Komunikasi	Skala Likert 5 poin	9
D	D1	Pandangan pentadbir sekolah – berpuas hati/tidak berpuas hati dengan prestasi perkhidmatan Guru Baharu	Subjektif terbuka	1
	D2(a)-(i)	Pandangan perntadbir sekolah terhadap kekuatan/kelebihan (sekiranya ada) Guru Baharu	Subjektif terbuka	8
	D3(a)-(i)	Pandangan pentadbir sekolah terhadap kelemahan / kekurangan (sekiranya ada) Guru Baharu	Subjektif terbuka	8

Kesahan dan Kebolehpercayaan

Dalam kajian ini, soal selidik yang digunakan diuji kesahan melalui kesahan kandungan dengan merujuk empat (4) orang yang pakar. Segala komen dan teguran yang diterima daripada pakar-pakar ini diambil kira dan diguna pakai bagi memantapkan lagi maksud, bahasa dan kandungan soal selidik yang digunakan. Jadual 2 menunjukkan senarai pakar yang dipilih untuk menyemak dan mengesahkan instrumen kajian ini.

Jadual 2

Senarai Pakar Semakan Instrumen Kajian

PAKAR	KEPAKARAN
Pakar 1	Kepimpinan dan Pengurusan Pendidikan, & Dasar Pendidikan
Pakar 2	Pembangunan instrumen soal selidik dan rekabentuk kajian tinjauan
Pakar 3	Pembangunan instrumen soal selidik dan rekabentuk kajian tinjauan
Pakar 4	Penilaian Program dan rekabentuk kajian tinjauan

Kebolehpercayaan instrumen kajian merujuk kepada kestabilan dan ketekalan dalaman soal selidik (Cresswell, 2012). Kebolehpercayaan kajian adalah penting kerana ralat pengukuran dapat dikurangkan dan hubungan antara item atau pemboleh ubah dapat diukur dengan tepat. Bagi mengukur ketekalan dalaman sesuatu konstruk, nilai Cronbach Alpha sering kali dirujuk (Cronbach & Shavelson, 2004). Sehubungan itu, dalam kajian rintis, data-data telah dikumpulkan dan diukur tahap kebolehpercayaannya menggunakan Ujian Statistik Cronbach Alpha dalam perisian IBM SPSS. Pallant (2013) menyatakan nilai Cronbach Alfa yang melebihi 0.60 sering kali digunakan dalam mengukur indeks kebolehpercayaan sesuatu instrumen kajian. Jadual 3 menunjukkan nilai Alpha (α) bagi ujian kebolehpercayaan bagi item mengikut pecahan konstruk.

Jadual 3

Kebolehpercayaan Instrumen Soal Selidik

KONSTRUK	ITEM	BILANGAN ITEM	NILAI ALPHA (α)
PdP	C1(a)-C1(n)	14	$\alpha = .829$
Komunikasi	C3(a)-C3(i)	9	$\alpha = .848$

Jadual 3 menunjukkan nilai kebolehpercayaan alpha (α) adalah tinggi iaitu antara 0.802 hingga 0.875. Ini bermaksud semua item menepati nilai minimum melebihi 0.60 iaitu pada tahap boleh diterima (acceptable reliability).

Prosedur Pengumpulan Data

Prosedur pengumpulan data bermula daripada taklimat kepada bakal guru baharu yang diberikan sebelum bakal guru ini tamat pengajian. Ia diadakan di tahun akhir pengajian mereka. Seterusnya pihak sekolah telah dimaklumkan mengenai pelaksanaan kajian ini melalui surat pemberitahuan yang diedarkan melalui Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) seluruh negara. Dalam

tempoh kutipan data ini, pengkaji juga menghubungi pihak sekolah melalui panggilan telefon bagi memastikan capaian maklumat. Tempoh kutipan data ialah 2 bulan (15 Jun 2022) sehingga (15 Ogos 2022), iaitu selepas dua belas bulan Guru Baharu melapor diri di sekolah.

Prosedur Analisis Data

Data Kuantitatif

Bagi analisis tahap pengukuran, skor min diukur berdasarkan Jadual 3 pengukuran skor min dan Interpretasi oleh Nunnally & Bernstein (1994). Jadual ini berdasarkan kepada lima (5) tahap pengukuran skor min. Interpretasi skor min tersebut digunakan untuk menentukan tahap kepuasan berdasarkan penilaian pentadbir ke atas Guru Baharu.

Jadual 4

Jadual Interpretasi 5 Tahap Skor Min Nunnally & Bernstein (1994)

SKOR MIN	INTERPRETASI SKOR MIN
1.00 hingga 1.80	Sangat Rendah/Sangat Tidak Memuaskan
1.81 hingga 2.60	Rendah/Tidak Memuaskan
2.61 hingga 3.40	Sederhana/Agak Memuaskan
3.41 hingga 4.20	Tinggi/Memuaskan
4.21 hingga 5.00	Sangat Tinggi/Sangat Memuaskan

Data Kualitatif

Data kualitatif bagi item subjektif terbuka yang telah dikumpulkan daripada pentadbir, dianalisis menggunakan analisis pelbagai respons (Chua, 2014). Data yang dikumpulkan dikodkan mengikut kategori terlebih dahulu sebelum dianalisis. Dapatan dilaporkan dalam kekerapan dan peratus.

ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

Jumlah keseluruhan responden adalah seramai 66 orang (90.9%). Daripada jumlah ini, data dari 6 responden tidak dapat dianalisis kerana telah mengalami masalah teknikal (ralat dalam sistem). Oleh yang demikian, hanya data daripada 60 responden telah diambil kira untuk dianalisis. Namun demikian, jumlah 60 responden sudah lebih dari mencukupi dalam persampelan ini kerana nilai n telah melebihi nilai minimum sampel.

Maklumat Guru Baharu

(a) Jantina

Jadual 5 menunjukkan jantina responden Guru Baharu dalam kajian ini.

Jadual 5

Jantina Guru Baharu

JANTINA	BILANGAN	PERATUS (%)
LELAKI	6	10
PEREMPUAN	54	90
Jumlah	60	100

Berdasarkan Jadual 4, dapatan menunjukkan jumlah guru baharu yang berjaya dinilai oleh pentadbir dalam kajian ini pada keseluruhannya adalah seramai 60 orang (100%). Analisis mengikut jantina menunjukkan seramai 6 orang (10%) guru lelaki dan 54 orang (90%) guru perempuan telah dinilai oleh pihak pentadbir masing-masing.

(b) Bidang Pengkhususan

Jadual 6 menunjukkan bidang pengkhususan major Guru Baharu semasa mengikuti pengajian di IPG.

Jadual 6

Bidang Pengkhususan Teras Guru Baharu Semasa di IPG

BIDANG TERAS	BILANGAN	PERATUS (%)
Bahasa Inggeris	46	76.7%
Pendidikan Seni Visual	14	23.3
<u>Pendidikan Rendah</u>		

Berdasarkan Jadual 6 dapatan menunjukkan bahawa semua guru baharu iaitu seramai 46 orang (76.7%) mengajar Bahasa Inggeris berdasarkan iaitu subjek teras. Manakala terdapat juga sebilangan guru baharu yang ditetapkan oleh pihak sekolah untuk mengajar subjek lain iaitu Pendidikan Seni Visual Pendidikan Rendah seramai 14 orang (23.3%).

(c) Keselarian Mata Pelajaran Yang Diajar di Sekolah Dengan Bidang Pengkhususan Semasa di IPG

Jadual 7

	BILANGAN	PERATUS
YA	60	100
TIDAK	-	-
Jumlah	60	100

Berdasarkan Jadual 7 dapatan menunjukkan bahawa keselarian matapelajaran yang diajar oleh guru baharu di sekolah menepati pengukhususan bidang yang diambil semasa di IPG pada keseluruhannya seramai 60 orang dengan peratusan sebanyak 100%.

(d) Keselarian Aktiviti Kokurikulum Yang Dipertanggungjawabkan Oleh Sekolah Dengan Yang Diikuti Semasa di IPG

Jadual 7 menunjukkan keselarian aktiviti kokurikulum yang dipertanggungjawabkan oleh pihak sekolah ke atas Guru Baharu dengan aktiviti kokurikulum yang diikuti semasa di IPG.

Jadual 8

Keselarian Aktiviti Kokurikulum Yang Dipertanggungjawabkan Ikut Bidang di IPG

	BILANGAN	PERATUS
YA	51	85
TIDAK	9	15
Jumlah	60	100

Berdasarkan Jadual 8 dapatkan menunjukkan bahawa keselarian aktiviti kokurikulum yang dipertanggungjawabkan di sekolah dengan yang telah diikuti di IPG adalah tinggi dengan kadar 85% (51 orang), manakala hanya 15% (9 orang) tidak menepati keselarian tersebut.

(e) Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) Program Perguruan IPG

Jadual 8 menunjukkan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) semasa menamatkan pengajian di IPG.

Jadual 9

Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) Program Perguruan IPG

PNGK	BILANGAN	PERATUS
Pertama (3.75 – 4.00)	5	8.3
Kedua Atas (3.00 – 3.74)	54	90
Kedua Bawah (2.00 – 2.99)	1	1.7
JUMLAH	60	100%

Berdasarkan Jadual 9, dapatan menunjukkan bahawa Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) kebanyakannya berada di peringkat kedua atas iaitu seramai 54 orang (90%), manakala 5 orang (8.3%) guru baharu mendapat PNGK pada aras pertama, dan 1 orang (1.7%) untuk aras kedua bawah.

(f) Lokasi Sekolah

Jadual 10 menunjukkan Lokasi Sekolah Penempatan Guru Baharu

Jadual 10

Lokasi Sekolah Penempatan Guru Baharu

LOKASI SEKOLAH	BILANGAN	PERATUS
Bandaraya	7	11.7
Bandar	13	21.8
Bandar Kecil	3	5
Luar Bandar	28	46.8
Pendalaman 1	5	8
Pendalaman 2	1	4
Pendalaman 3	3	1.7
JUMLAH	60	100%

Berdasarkan Jadual 10 dapatan menunjukkan bahawa terdapat 7 buah sekolah (11.7%) berada di lokasi bandaraya, 13 (21.8%) di bandar, 3 (5%) di bandar kecil, dan 28 (46.8%) buah sekolah di luar bandar. Manakala terdapat 9 buah sekolah (15.1%) lagi berada di kawasan pendalaman 1, 2 dan 3.

Maklumat Pentadbir

Jadual 11 menunjukkan jawatan pentadbir yang menilai Guru Baharu.

Jadual 11
Jawatan Pentadbir

JAWATAN PENTADBIR	BILANGAN	PERATUS
Guru Besar	37	56.1
Penolong Kanan	18	27.3
Ketua Panitia	5	7.6
JUMLAH	60	100%

Berdasarkan Jadual 11, dapatan menunjukkan bahawa terdapat 37 orang guru besar (56.1%) yang telah menilai guru baharu termasuk 18 orang guru penolong kanan (27.3%) dan 5 orang guru ketua panitia (7.6%).

(b) Jantina Pentadbir

Jadual 12 menunjukkan jawatan pentadbir yang menilai Guru Baharu

Jadual 12

JANTINA PENTADBIR	BILANGAN	PERATUS
Lelaki	7	11.7
Perempuan	53	88.3
JUMLAH	60	100%

Berdasarkan Jadual 12, dapatan menunjukkan bahawa seramai 7 orang (11.7%) terdiri daripada pentadbir sekolah lelaki dan 53 orang (88.3%) adalah pentadbir sekolah perempuan.

Penilaian Pentadbir Terhadap Guru Baharu

Bahagian ini menghuraikan dapatan bagi objektif kajian yang pertama iaitu mengenal pasti penilaian pentadbir dari segi kepuasan terhadap kualiti Guru Baharu dalam dua aspek iaitu pengajaran dan pembelajaran (PdP), dan komunikasi.

Secara keseluruhan tahap kepuasan pelanggan bagi kedua-dua aspek adalah pada tahap kepuasan adalah Tinggi. Dapatan menunjukkan skor min keseluruhan bagi dua aspek dikaji ialah adalah 4.08 dan sisihan piawai bersamaan 0.666 seperti yang ditunjukkan pada Jadual 13.

Jadual 13

Nilai Peratus Kepuasan Dan Tahap Kepuasan Pelanggan dan bagi 5 Aspek Utama

BIL	ASPEK	PERATUS KEPUASAN (%)	MIN	S.P	TAHAP
1	Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)	91	4.15	.633	Tinggi
2	Komunikasi	91	4.17	.650	Tinggi
	Keseluruhan	91	4.16	.642	Tinggi

Berdasarkan Jadual 13, dapatan menunjukkan tahap kepuasan pihak pentadbir sekolah terhadap guru baharu graduan PISMP. Dua aspek utama iaitu aspek pengajaran dan pembelajaran (PdP) dan aspek komunikasi adalah tinggi min 4.15 dan 4.17.

Sub topik berikut ini akan menghuraikan secara terperinci analisis deskriptif kepuasan pelanggan berdasarkan tahap kepuasan setiap aspek serta daptan analisis pelbagai respons bagi item subjektif terbuka bagi setiap aspek yang dikaji.

(a) Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)

Aspek pertama yang dinilai dalam soal-selidik kepuasan pelanggan secara dalam talian adalah PdP. Terdapat 14 item skala likert lima (5) poin dan dua (2) soalan subjektif terbuka yang perlu dijawab oleh pentadbir bagi menilai seorang Guru Baharu. Dapatan kepuasan pelanggan dari aspek PdP adalah seperti yang ditunjukkan pada Jadual 14, Jadual 15 dan Jadual 16.

Jadual 14

Peratus Kepuasan Dan Nilai Min Bagi Aspek PdP

BIL	ITEM	PERATUS			TAHAP
		(%)	MIN	S.P	
		KEPUASAN			
1	menyediakan RPH yang mengandungi objektif yang boleh diukur	91	4.30	.59	Tinggi
2	merancang PdP berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP)	91	4.32	.58	Tinggi
3	menyediakan Alat Bantu Mengajar (ABM)/Bahan Bantu Mengajar (BBM)/ Bahan Bantu Belajar (BBB)	91	4.02	.65	Tinggi
4	mengelola isi pelajaran/skop pembelajaran yang dirancang	91	4.23	.61	Tinggi
5	menguruskan masa selaras dengan aktiviti pembelajaran	91	4.21	.61	Tinggi
6	memberikan murid peluang untuk penyertaan aktif ketika PdP	91	4.20	.61	Tinggi
7	mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif (<i>Contoh: hubungan harmoni dengan murid/ keceriaan kelas</i>)	91	4.18	.64	Tinggi
8	mengawal suasana pembelajaran (<i>Contoh: mengawasi komunikasi dan tingkah laku murid ketika aktiviti PdP</i>)	91	4.17	.64	Tinggi
9	memberikan murid bimbingan yang bersesuaian dengan aras keupayaan mereka (<i>Contoh: tunjuk ajar/tunjuk cara/panduan menguasai kemahiran</i>)	91	4.14	.64	Tinggi
10	memberikan murid dorongan untuk meningkatkan motivasi dan kemahiran insaniah (<i>Contoh: memberi pujian/galakan dan merangsang pemikiran kreatif</i>)	91	4.15	.62	Tinggi
11	melaksanakan pentaksiran yang bersesuaian dengan tahap kecekapan murid	91	4.18	.61	Tinggi
12	menilai kemajuan murid berdasarkan gerak kerja/latihan/tugasan yang diberikan	91	4.23	.61	Tinggi
13	menyediakan bahan pengajaran digital	91	3.91	.74	Tinggi
14	mengendalikan pengajaran dalam talian	91	3.89	.71	Tinggi
KESELURUHAN		91	4.15	.633	Tinggi

Berdasarkan Jadual 14, daptan menunjukkan tahap kepuasan bagi semua item aspek PdP adalah Tinggi dengan min keseluruhan bagi konstruk tersebut ialah 4.15. Manakala item yang paling tinggi nilai min ialah berkaitan merancang PdP berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) dan nilai min paling rendah berkaitan mengendalikan pengajaran dalam talian.

Bagi menjelaskan lagi aspek kepuasan dalam PdP dari perspektif pihak pentadbir, soalan berbentuk item subjektif terbuka telah dijawab oleh pihak pentadbir sekolah. Respons tersebut telah dikodkan kepada 3 kategori seperti Jadual 15.

Jadual 15

Kekuatan/Kelebihan Lain Guru Baharu Bagi Aspek PdP Berdasarkan Respons Pentadbir

KOD	KATEGORI	BILANGAN RESPON	PERATUS (%)
1	Perancangan teratur	10	29.5
2	Kesediaan	8	23.5
3	Pengajaran menarik	8	23.5
4	Lain-lain	8	23.5
JUMLAH		34	100

Berdasarkan Jadual 15, daptan menunjukkan bahawa 29.5% daripada guru baharu mempunyai perancangan yang teratur. Ini diikuti dengan kesediaan guru baharu dalam melakukan pengajaran dan pembelajaran iaitu 23.5%. Manakala pengajaran yang menarik juga adalah salah satu kekuatan guru baharu di sekolah dengan 23.5%.

Seterusnya, sebanyak 10 respons kelemahan/kekurangan lain Guru Baharu bagi aspek PdP telah diterima daripada pentadbir melalui item subjektif terbuka. Respons tersebut telah dikodkan kepada 2 kategori seperti Jadual 16.

Jadual 16

Kelemahan/Kekurangan Lain Guru Baharu Bagi Aspek PdP Berdasarkan Respons Pentadbir

KOD	KATEGORI	BILANGAN RESPON	PERATUS (%)
1	Pengajaran abad ke 21	3	30
2	Perlu bimbingan	1	10
3	Tiada	6	60
JUMLAH		10	100

Berdasarkan Jadual 16, daptan menunjukkan bahawa antara kelemahan guru baharu adalah mereka kurang menjalankan pengajaran dengan menggunakan kaedah abad ke 21 iaitu 30%. Para guru ini juga masih lagi perlu diberi bimbingan bagi melaksanakan PdP iaitu 10%. Manakala, 60% responden hanya menyatakan ‘tiada’.

(b) Komunikasi

Aspek kedua yang dinilai dalam soal-selidik kepuasan pelanggan secara dalam talian adalah Komunikasi. Terdapat sembilan (9) item skala likert lima (5) poin dan dua (2) soalan subjektif terbuka yang perlu dijawab oleh pentadbir bagi menilai seorang Guru Baharu dari aspek

Komunikasi. Dapatan kepuasan pelanggan dari aspek ini adalah seperti yang ditunjukkan pada Jadual 20, Jadual 21 dan Jadual 22.

Jadual 20:

Peratus Kepuasan Dan Nilai Min Bagi Aspek Komunikasi

BIL	ITEM	PERATUS		MIN	S.P	TAHAP
		(%)	KEPUASAN			
1	menyampaikan idea dengan jelas dan mudah difahami	91		4.17	0.664	Tinggi
2	menghormati warga sekolah dari pelbagai latar belakang (<i>Contoh: gender, agama dan etnik</i>)	91		4.37	0.591	Tinggi
3	bertoleransi semasa berkomunikasi dengan warga sekolah	91		4.31	0.609	Tinggi
4	menyampaikan pandangan secara jelas melalui penulisan	91		3.96	0.729	Tinggi
5	memahami makna tersirat dalam komunikasi	91		4.05	0.659	Tinggi
6	menyampaikan idea secara dalam talian dengan menggunakan pelantar digital yang sesuai	91		4.01	0.761	Tinggi
7	berkomunikasi secara beretika	91		4.36	0.564	Tinggi
8	berfikiran terbuka dengan pelbagai pandangan	91		4.31	0.609	Tinggi
9	memimpin perbincangan dalam kumpulan	91		3.99	0.671	Tinggi
KESELURUHAN		91		4.17	0.650	Tinggi

Berdasarkan Jadual 20, dapatan menunjukkan tahap kepuasan bagi semua item aspek Komunikasi adalah tinggi dan dengan nilai min sebanyak 4.17. Item tertinggi bagi konteks Komunikasi adalah berkaitan menghormati warga sekolah dari pelbagai latar belakang (*Contoh: gender, agama dan etnik*) dengan nilai min 4.37 manakala item yang paling rendah ialah berkaitan aspek menyampaikan pandangan secara jelas melalui penulisan.

Jadual 21

Kekuatan/Kelebihan Lain Guru Baharu Bagi Aspek Komunikasi Berdasarkan Respons Pentadbir

KOD	KATEGORI	BILANGAN RESPON	PERATUS (%)
1	Komunikasi berkesan	10	38.4
2	Komunikasi berhemah	8	30.8
3	Komunikasi yang meyakinkan	8	30.8
JUMLAH		26	100

Berdasarkan Jadual 21, dapatan menunjukkan bahawa kecenderungan guru baharu untuk mempraktikkan elemen Komunikasi dengan baik. Selain itu, tema berkaitan Komunikasi

berkesan, Komunikasi berhemah dan Komunikasi yang menyakinkan menjadi elemen yang penting dalam aspek komunikasi.

Jadual 22

Kelemahan/Kekurangan Lain Guru Baharu Bagi Aspek Komunikasi Berdasarkan Respons Pentadbir

KOD	KATEGORI	BILANGAN RESPON	PERATUS (%)
1	Tiada	-	-
	JUMLAH	-	-

Berdasarkan Jadual 22, dapatan menunjukkan bahawa semua guru-guru baru berupaya menunjukkan elemen komunikasi yang berkesan dan baik.

RUMUSAN DAN PERBINCANGAN

Rumusan Dapatan Kesuluruhan

Kajian mendapati tahap penilaian pentadbir guru baharu graduan PISMP bagi kedua-dua aspek yang dikaji adalah tinggi. Aspek Komunikasi memperoleh peratus tertinggi tahap kepuasan iaitu 91 peratus (%) dengan skor min (M) bersamaan 4.17 dan sisihan piaawai .650, diikuti dengan Aspek Pengarajan dan Pembelajaran dengan skor min 4.15 dan sisihan piaawai 0.633.

Adalah dapat dirumuskan bahawa, guru-guru baru telah berupaya menunjukkan prestasi yang amat baik dengan penglibatan yang signfikan terhadap proses pengoperasian sekolah dan kurikulum yang telah dijalankan di sekolah.

Cadangan Penambahaikan Kajian

Berdasarkan dapatan daripada data yang telah dianalisis, terdapat beberapa cadangan penambahbaikan yang boleh dikemukakan. Kajian ini mengkategorikan cadangan penambahbaikan kepada 2 kluster iaitu Kluster kurikulum latihan guru, dan Kluster Kemenjadian Guru.

Kluster Kurikulum Latihan Guru

Kurikulum yang telah diperkenalkan di IPG telah menunjukkan hasil yang positif. Majoriti kumpulan guru baru yang telah dikeluarkan oleh IPGM telah mampu menguasai kandungan pembelajaran mengikut bidang masing-masing dengan baik. Namun demikian, perkembangan kurikulum sentiasa berkembang dengan begitu cepat dan laju. Oleh yang demikian, kurikulum yang ditawarkan untuk latihan guru pada masa akan datang perlulah mengambil kira aspek jangkaan kepada perubahan-perubahan perkembangan pendidikan seluruh dunia. Hal ini dibuktikan dengan dunia telah terkesan dengan Covid-19 yang berlaku di seluruh dunia. Oleh itu, elemen jangkaan perkembangan kurikulum dan kemahiran-kemahiran lain perlu juga diberikan pendedahan kepada guru-guru agar sentiasa relevan walau di mana sahaja berada dan pada waktu-waktu yang pelbagai.

Kluster Kemenjadian Guru

Kluster ini juga tidak kurang pentingnya. Aspek nilai-nilai agama dan moral perlu diberi perhatian. Kemenjadian guru bukan hanya dari aspek fizikal, malah merentasi aspek rohani,

spiritual dan akhlak. Hal ini adalah penting demi kelangsungan sistem pendidikan yang dinamik.

Implikasi dan Kesimpulan

Guru baharu lulusan PISMP IPG ambilan PISMP ambilan Jun 2016 yang telah mendapat penempatan di sekolah mulai 1 Januari hingga 31 Mei 2020. Kajian penilaian pentadbir sekolah terhadap guru baharu lulusan PISMP mendapati tahap kepuasan yang tinggi pada kedua-dua aspek yang dikaji. Dapatan yang diperoleh daripada juga mendapati semua aspek yang dinilai ini adalah bertepatan dengan keperluan semasa KPM dan juga keperluan dalam kemahiran insaniah guru.

Selain itu, kelemahan yang telah dikenal pasti perlu ditambah baik bagi meningkatkan lagi kualiti produk PISMP IPG selaras dengan strategi peningkatan kualiti guru yang menjadi fokus Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM2013-2025) Kementerian Pendidikan Malaysia dan Transformasi IPG (2016-2025) yang sedang dilaksanakan secara berterusan.

RUJUKAN:

- Buku Panduan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan Kepujian (2014). Institut Pendidikan Guru Malaysia Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Cresswell, J. (2012). *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Qualitative and Quantitative Research* (4th ed.). Boston: Pearson Education Inc.
- Cronbach, L.J. and Shavelson, R.J. (2004) My Current Thoughts on Coefficient Alpha and Successor Procedures. *Educational and Psychological Measurement*, 64, 391-418
- Gillham, B. (2000). *Developing a Questionnaire*. Real World Research.
- Jamil Ahmad (2002). Pemupukan budaya penyelidikan di kalangan guru sekolah: satu penilaian. Tesis Kedoktoran, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Nunally, J. C. & Bernstein, I. 1994. *Psychometric Theory*. 3rd Edition. New York: McGraw-Hill.
- Pallant, J. (2013). *SPSS A step by step guide to data analysis using IBM SPSS Survival Manual* (5th ed.). New York: Mc Graw Hill.